



KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/07

NAMA MATA PELAJARAN : PSIKOLOGI PENDIDIKAN DALAM PTV

KOD MATA PELAJARAN : MBE 1023

KURSUS : SARJANA PTV

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN

- 1 Jawab semua soalan Bahagian A dan satu soalan Bahagian B. Gunakan borang OMR bagi menjawab soalan Bahagian A.
- 2 Kertas soalan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan kertas jawapan.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 23 MUKA SURAT

- S1 Kaedah yang digunakan dalam kajian psikologi peringkat awal ialah mengkaji aspek-aspek kejiwaan secara
- A gestalt.
 - B holistik.
 - C psikososial.
 - D renungan ke dalam.
- S2 Tokoh ini merupakan individu yang memberikan impak besar di dalam bidang psikologi pada peringkat awal kajian psikologi secara ilmiah dan menulis *On the Origin of Species*.
- A Charles Darwin.
 - B Gustav Fechner.
 - C Wilhelm Wundt.
 - D Max Wertheimer.
- S3 Teori ini dipelopori oleh Gustav Fechner dan Wilhelm Wundt.
- A Teori Strukturalisme.
 - B Teori Behaviorisme.
 - C Teori Fungsionalisme.
 - D Teori Eksistensialisme.
- S4 Beliau dikenali sebagai individu yang menjadi “asas kepada sains baru”. Beliau juga merupakan individu pertama menubuhkan salah satu daripada makmal psikologi yang terawal dan mungkin yang terawal di dunia terletak di Leipzig, Jerman. Tokoh ini ialah
- A John B. W.
 - B B.F. Skinner.
 - C Wilhelm Wundt.
 - D Edwin R. Guthrie.
- S5 Menurut teori ini proses pemikiran dan kelakuan mencapai persoalan mengenai pembelajaran, pemikiran kehidupan yang terlalu komplek, kesan pengalaman terhadap otak dan manusia masih wujud di dunia semulajadi sehingga hari ini. Teori ini mengenai kajian terhadap fungsi jiwa manusia. Teori yang dimaksudkan ialah
- A Teori Behaviorisme.
 - B Teori Strukturalisme.
 - C Teori Fungsionalisme.
 - D Teori Kognitivisme.

- S6 Teori ini melihat bagaimana organisma mempelajari dan memberi respons terhadap persekitarannya. Pelopor teori ini ialah John B. Watson dan kemudiannya dikembangkan antara lainnya oleh Edward L. Thorndike, Edwin R. Guthrie, dan B.F. Skinner. Teori ini berkembang pada awal permulaan abad 20. Teori yang dimaksudkan ialah
- A Teori Kognitivisme.
 - B Teori Behaviorisme.
 - C Teori Strukturalisme.
 - D Teori Fungsionalisme.
- S7 Pembelajaran sering berlaku melalui deria yang mempunyai pertalian yang dinamik dengan prinsip Pragnanz. Prinsip ini berkait rapat dengan pengamatan yang mempunyai kecenderungan untuk melihat sesuatu itu mempunyai ciri kestabilan, penimbangan dan keseragaman. Pernyataan ini merujuk kepada
- A Gestalt.
 - B Peneguhan.
 - C Pengukuhan.
 - D Pelaziman.
- S8 Para pendokong teori ini terdiri daripada Robert Lee, Robin Lakoff, D. Slobin, George Miller, Kobler, Mangantar, Simanjuntak, Noam Chomsky, Jean Piaget dan lain-lain lagi. Teori ini menjelaskan bahawa manusia mempunyai peringkat otak dan saraf yang tinggi, di mana dengannya manusia mampu untuk mempelajari pelbagai perkara.
- A Teori Kognitivisme.
 - B Teori Behaviorisme.
 - C Teori Strukturalisme.
 - D Teori Fungsionalisme.
- S9 _____ adalah memfokuskan kepada perkembangan dari asal proses tingkah laku, mental, mencari atau mengkaji nilai yang bersesuaian dengan apa yang ada serta fungsi yang manusia ada sebagai spesis yang memahami.
- A Perkembangan budaya
 - B Perkembangan manusia
 - C Perkembangan sosiologi
 - D Perkembangan psikologi

- S10 _____ merupakan satu kaedah yang digunakan untuk memperbaiki dan merawat mental, perasaan, dan tingkah laku tidak terkawal. Julat pengawalan bermula dari masalah jangka pendek sehingga masalah yang kronik seperti Schizophrenia (sejenis penyakit mental yang menyebabkan pesakit mengalami masalah untuk mengenal pasti sesuatu itu betul ataupun benar, antisosial dan sukar mengawal perasaan).
- A Psikologi klinikal
B Psikologi kognitif
C Psikologi hospital
D Psikologi metakognitif
- S11 _____ mengandaikan bahawa tingkah laku tidak terkawal disebabkan oleh fungsi otak yang tidak normal seperti di bawah pengaruh dadah dan tekanan
- A Psikologi fisiologi
B Psikologi kognitif
C Psikologi psikososial
D Psikologi sosio-emosional
- S12 _____ mengkaji mengenai perbezaan di antara individu dari segi sosialbiliti, sifat kendiri, ketakutan , keperluan untuk berjaya dan keagresifan.
- A Psikologi sosial
B Psikologi industri
C Psikologi budaya
D Psikologi personaliti
- S13 _____ merujuk kepada suatu kuasa semula jadi yang menjadi pendorong kepada seseorang individu bertingkah laku dalam situasi yang tertentu.
- A Naluri
B Desakan
C Motivasi
D Keperluan

S14 Empat bidang psikologi untuk membantu pemahaman tentang Psikologi Pendidikan iaitu

- I. Kajian tentang pembelajaran.
 - II Kajian tentang perkembangan manusia.
 - III Kajian tentang bidang statistik dan pengukuran.
 - IV Kajian tentang personaliti, psikologi sosial termasuk penyesuaian.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I,II,III dan IV

S15 Pada abad ke-20, istilah “pendidikan progresif” digunakan untuk menerangkan idea dan kaedah yang bertujuan untuk menjadikan sekolah sebagai agensi yang lebih efektif dalam masyarakat yang berdemokrasi. Pendidikan menurut perspektif ini merangkumi

- I menghormati kepelbagaiannya maksud, setiap individu perlu dikenali berdasarkan kebolehan, minat, idea keperluan dan identiti budaya yang tersendiri.
 - II pembangunan kritis yang membolehkan individu itu terlibat dalam hal-hal komuniti mereka dalam menikmati kebaikan bersama.
 - III kemahiran bermasyarakat yang membolehkan individu itu terlibat dalam hal-hal komuniti mereka dalam menikmati kebaikan bersama.
- A I dan II sahaja.
 - B I dan III sahaja.
 - C II dan III sahaja.
 - D I, II dan III.


S16 Konstruktivis merupakan proses pembelajaran yang menerangkan

- I belajar secara kumpulan dengan aktif.
 - II bagaimana pengetahuan disusun dalam minda manusia.
 - III merupakan fahaman bahawa pelajar membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada.
- A I sahaja.
 - B II sahaja.
 - C I dan II sahaja.
 - D I, II dan III.

S17 Dalam teori konstruktivisme, pelajar tidak lagi dianggap belajar daripada apa yang diberikan guru atau sistem pengajaran tetapi

- A. belajar secara pasif.
- B. belajar secara kendiri.
- C. belajar secara penerokaan.
- D. secara aktif membina realiti mereka sendiri dan pada masa yang sama mengubah suai realiti tersebut.

S18 Menurut Hirarki Keperluan Maslow, bahagian yang berlorek ialah



- A keperluan keselamatan.
- B keperluan kasih sayang.
- C keperluan penghargaan kendiri.
- D keperluan penyempurnaan kendiri.

S19 Peranan otak tengah ialah

- A menyalur maklumat kinestik.
- B menyaring maklumat mentah.
- C menentukan maklumat sampai ke destinasi.
- D memproses dan memberi refleksi visual dan audio.

S20 _____ adalah dianggap komponen paling besar sistem memproses maklumat manusia, mengandungi pelbagai jenis maklumat, termasuk kemahiran motor, maklumat semantik, nilai, maklumat pendengaran, pola-pola penglihatan dan atur cara memproses maklumat.

- A Ingatan kekal
- B Ingatan singkat
- C Ingatan sementara
- D Ingatan jangka panjang

S21 _____ merujuk kepada ingatan peristiwa peribadi atau sejarah yang dilalui sepanjang hayat. Pengetahuan jenis ini mempunyai penanda dari segi ruang dan masa.

- A Pengetahuan lalu
- B Pengetahuan episodik
- C Pengetahuan sedia ada
- D Pengetahuan semasa

S22 Ingatan jenis ini merujuk kepada pengetahuan umum tentang fakta, diskriminasi atau konsep yang diketahui tetapi tidak dapat ditentukan bagaimana dan bilakah pengetahuan itu dipelajari. Ia melibatkan maklumat-maklumat dalam bentuk makna yang telah lama dalam ingatan yang tidak berkait dengan sesuatu pengalaman peribadi.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A semantik.
- B simbiotik.
- C sistematik.
- D reflektif.

Soalan 23 hingga 26, berdasarkan pilihan jawapan berikutnya.


- A Pemikiran kritis.
- B Pemikiran kreatif.
- C Pemikiran divergen.
- D Pemikiran konvergen.

S23 _____ ialah jenis pemikiran yang diajarkan di sekolah-sekolah di mana kita dilatih menggunakan logik di dalam mencari jawapan kepada masalah yang diberi. Cara pemikiran tersebut mestilah tersusun, secara rasional, sistematik dan menggunakan fakta-fakta supaya menemui satu jawapan yang tepat.

- S24 _____ menggunakan unsur intuisi dan sangat sesuai digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah terbuka iaitu masalah yang boleh diselesaikan dengan pelbagai cara.
- S25 _____ adalah salah satu pemikiran yang jelas dan bijaksana, yang memberi kita satu pemahaman baru berkenaan dengan suatu perkara, konsep ataupun idea.
- S26 _____ adalah pemikiran yang spontan, berimajinasi berani dan menjadi ciri-ciri pengeluaran seni, penemuan saintifik dan rekaan mekanikal.
- S27 Pavlov mengasaskan kajiannya pada satu hukum. Contohnya, apabila kita melihat sebuah kereta mewah, kita mungkin membuat andaian pemandu itu adalah seorang kaya atau seorang terkemuka. Andaian ini bergantung kepada pengalaman kita yang lampau.
- Hukum tersebut ialah
- A hukum jalinan.
 - B hukum perkaitan.
 - C hukum pertautan.
 - D hukum persamaan.
- S28 Menurut Skinner, pelaziman operan terbahagi kepada
- A peneguhan positif dan denda.
 - B peneguhan posisi dan peneguhan negatif.
 - C pencerapan positif dan pencerapan negatif.
 - D peneguhan positif dan pencegahan negatif.
- S29 Tikus yang menekan kunci pintu (*lever*) dan diberikan makanan akan mengulang tingkahlaku itu dengan harapan mendapat makanan.
Ini adalah contoh
- A peneguhan positif.
 - B peneguhan aktif.
 - C pelaziman positif.
 - D pengukuhan aktif.

- S30 Sekiranya sesuatu rangsangan terlazim (loceng) tidak diikuti dengan rangsangan tak terlazim (makanan), lama kelamaan organisme itu tidak akan bergerak balas iaitu gerak balas berperingkat-peringkat terhapus.
- Pernyataan ini merujuk kepada
- A Prinsip asas dalam pembelajaran ialah perlakuan yang tidak diberi peneguhan akan lupus dengan sendirinya.
 - B Prinsip asas dalam pembelajaran ialah perlakuan yang tidak diberi ulangan akan lupus dengan sendirinya.
 - C Prinsip asas dalam pembelajaran ialah perlakuan yang tidak diberi rangsangan akan lupus dengan sendirinya.
 - D Prinsip asas dalam pembelajaran ialah perlakuan yang tidak diberi dendaan akan lupus dengan sendirinya.
- S31 Sesuatu organisme berkebolehan untuk bergerak balas kepada sesuatu rangsangan tetapi tidak kepada rangsangan yang lain. Ini adalah kerana
- A organisme berkenaan dapat membezakan atau mendikriminasi antara rangsangan yang dikemukakan dan memilih untuk tidak bertindak atau bergerak balas.
 - B organisme berkenaan tidak dapat membezakan atau mendiskriminasikan antara rangsangan yang dikemukakan dan memilih untuk tidak bertindak atau bergerak balas.
 - C organisme berkenaan tidak dapat membezakan atau mendiskriminasikan antara rangsangan yang dikemukakan dan tidak memilih untuk bertindak atau bergerak balas.
 - D organisme berkenaan dapat membezakan atau mendiskriminasikan antara rangsangan yang dikemukakan dan memilih untuk bertindak atau bergerak balas.

S32 Teliti gambarajah di bawah kemudian jawab soalan berikutnya.



(Rajah 1)

Rajah 1 menunjukkan

- A kaedah konferen.
- B kaedah persilangan.
- C kaedah perbincangan.
- D kaedah konvergen dan divergen.

S33 Pendidikan ini pula memberi tumpuan kepada individu yang kurang bernasib baik dan terkandas dalam menguasai peringkat kemahiran asas sama ada gagal di peringkat sekolah menengah atau peringkat pengajian tinggi. Kerana faktor usia, mereka tidak lagi dibenarkan berada dalam arus pendidikan formal. Oleh itu, pendidikan ini memberi ruang kepada mereka untuk mencapai kemahiran asas tersebut dalam masa yang lebih panjang, melebihi individu normal yang cergas.

Pendidikan di atas merujuk kepada

- A pendidikan dewasa.
- B pendidikan lanjutan.
- C pendidikan berterusan.
- D Pendidikan warga emas.


S34 Berikut adalah model-model gaya pembelajaran yang popular kecuali

- A Myers-Briggs Type Indicator (MBTI).
- B Mannfred and Dunn Learning style.
- C Kolb Leraning Style Inventory.
- D Felder-Silverman Learning Style Model.

S35 _____ ialah sebarang sistem psikologi yang mempostulatkan bahawa minda manusia atau sebarang proses mental mesti dikaji sebagai satu unit, contohnya gestaltisme dan psikologi kewujudan.

- A Psikologi *therapy*
- B Psikologi holistik
- C Psikologi humanistik
- D Psikologi psikososial

Soalan 36 berdasarkan Rajah 2.



(Rajah 2)

S36 Rajah 2 menunjukkan

- A Model Idealistik.
- B Model Integrasi.
- C Model Sublimasi.
- D Model Inter-disiplinari.

S37 Menurut Miller, terdapat tiga prinsip utama dalam pendidikan holistik iaitu

- A. *Contectness, Bolesness* dan *Being Bolesness*.
- B. *Contectness, Wholeness* dan *Being Wholeness*.
- C. *Connectedness, Bolesness* dan *Being Connectedness*.
- D. *Connectedness, Wholeness* dan *Being Connectedness*.

S38 Organisasi ialah proses dalaman dan adaptasi ialah proses luaran. Untuk menerangkan dengan lebih lanjut bagaimana kedua-dua proses ini menerangkan pembelajaran, Piaget memperkenalkan konsep utama berikut kecuali

- A skema.
- B asimilasi.
- C akomodasi.
- D koordinasi.

Soalan 39 berdasarkan Jadual 1

Hemisfera Kanan	Hemisfera Kiri
fungsi visuospatial, pola, ruang, imej	fungsi berbahasa
fungsi auditori, rentak, muzik	
aktiviti sintesis	fungsi logik, linear, urutan
imajinasi, kreativiti	aktiviti analisis

(Jadual 1)

Roger Sperry yang menjalankan pelbagai kajian ke atas pesakit *split-brain* mencadangkan prinsip pengkhususan hemisfera.

Kawasan yang berlorek bersesuaian untuk

- A fungsi sastera.
- B fungsi kesenian.
- C fungsi meramal.
- D fungsi matematik, nombor.

Soalan 40 berdasarkan pernyataan di bawah.

Maklumat dan pengalaman yang telah dienkodkan dihantar dan disimpan selama beberapa minit atau tahun. Maklumat ini dipanggil semula oleh individu untuk menyelesaikan masalah. Ingatan ini memegang maklumat yang dipelajari dengan baik, seperti semua nombor telefon yang telah anda hafal. Maklumat seperti ini dikatakan mempunyai kekuatan ingatan yang tinggi.

S40 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Ingatan Jangka Pendek.
- B Ingatan Jangka Sederhana.
- C Ingatan Jangka Sementara.
- D Ingatan Jangka Panjang.

S41 _____ kebolehan manusia untuk menerima maklumat, memproses dan menyimpan serta mengeluarkan segala maklumat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi.

- A Ilmu
- B Ingatan
- C Pengetahuan
- D Instropexi

S42 _____ ialah kegagalan atau kesukaran untuk mengingat atau mengeluarkan kembali sesuatu butir maklumat dengan tepat berdasarkan kepada sesuatu pengalaman yang telah dialami.

- A Ilusi
- B Lupaan
- C Hakisan Ingatan
- D Kelesuan ingatan

Soalan 43 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pendidikan menurut perspektif ini merangkumi dua elemen. Pertama, menghormati kepelbagaian maksud, setiap individu perlu dikenali berdasarkan kebolehan, minat, idea keperluan dan identiti budaya yang tersendiri. Kedua adalah pembangunan kritikal dan kemahiran bermasyarakat yang membolehkan individu itu terlibat dalam hal-hal komuniti mereka dalam menikmati kebaikan bersama.

S43 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A pendidikan analitis.
- B pendidikan progresif.
- C pendidikan pragmatis.
- D pendidikan futuristik.

S44 Terdapat tiga jenis ingatan iaitu


- A ingatan kanak-kanak, ingatan remaja dan ingatan dewasa.
- B ingatan deria, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang.
- C ingatan jangka pendek, ingatan sederhana dan ingatan jangka panjang.
- D ingatan sementara, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang.

Soalan 45 berdasarkan pernyataan di bawah.

memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan baru dengan memahaminya melalui penglibatan pelajar dengan situasi dunia sebenar, mencadangkan proses inkuiiri pelajar melalui kajian dan eksperimen, mengambil kira dapatan kajian tentang bagaimana pelajar belajar sesuatu idea serta akhir sekali mengambil kira kepercayaan dan sikap yang dibawa oleh pelajar.

- S45 Pernyataan berdasarkan kepada
- pembelajaran secara deduktif.
 - pembelajaran secara induktif.
 - pembelajaran secara eklektif.
 - pembelajaran secara konstruktivis.

Soalan 46 berdasarkan Rajah 3.



Rajah 3

- S46 Rajah 3 memberi gambaran tentang
- Pengertian Konstruktivisme.
 - Pengertian Konstektualisme.
 - Pengertian Pragmatisme.
 - Pengertian Intelektualisme.

Soalan 47 hingga 50 berdasarkan pilihan jawapan berikut

- A *Problem-based Learning*
- B Pembelajaran kolaboratif
- C Pembelajaran koperatif
- D Pengajaran berpusatkan pelajar

- S47 Memberi peluang kepada pelajar membuat pilihan dan keputusan sendiri berkenaan hal-hal pembelajaran. Pelajar bukan sekadar menerima semua maklumat daripada guru, sebaliknya mereka juga terlibat secara aktif dalam menentukan apa yang mereka perlukan dalam pembelajaran dan bagaimana keperluan-keperluan itu dapat dipenuhi.
- S48 Guru menumpukan pada isu semasa untuk menggalakkan pelajar membaca, menulis dan penyelesaian masalah kajian sosial.
- S49 Satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di mana pelajar berkumpul untuk melaksanakan hal-hal pelajaran yang dipelajari di kelas ataupun pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang berlainan bekerjasama melalui internet dalam tugas yang dikongsi.
- S50 Kaedah pengajaran yang memerlukan pelajar dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama. Sasaran adalah tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk rakan-rakan yang lain.
- S51 _____ telah membahagikan kepandaian atau kecerdikan kepada beberapa kategori iaitu *Linguistic intelligence*, *Musical intelligence*, *Logical-mathematical intelligence*, *Spatial intelligence*, *Bodily kinesthetic intelligence*, *Intrapersonal intelligence*, *Interpersonal intelligence*, *Naturalist Intelligence* dan *Existential Intelligence*.
- A Howard Gardner
 - B John Wagner
 - C Adward Binet
 - D Felder-Silverman

S52 _____ adalah aplikasi kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari dalam satu konteks dihubungkan dalam konteks yang lain.

- A Pemindahan pengajaran
- B Pertambahan pengajaran
- C Pemberian pengajaran
- D Pengembangan pengajaran

S53 _____ ialah sebagai suatu kegiatan bersifat psikologikal untuk membantu manusia lain membantu dirinya dengan cara yang sistematik dan bertanggung jawab.

- A Kerjaya
- B Disiplin
- C Bimbingan
- D Kaunseling

S54 Perkhidmatan Kaunseling di Jabatan Perhubungan Awam telah menyatakan empat implikasi kaunseling iaitu menggalakkan celik akal, memberi sokongan, penyelesaian konflik, dan _____.

- A menunjuk arah
- B membimbing klien
- C membuat keputusan
- D menyelesaikan masalah

S55 Lima asas prinsip kaunseling yang telah dirumuskan dengan lebih pendek dan jelas iaitu kuasa memilih, kebaikan, tidak mencederakan, keadilan, dan _____.

- A ketaatan.
- B kejujuran.
- C keluhuran.
- D kerjasama.

S56 Semua yang tersenarai berikut adalah aktiviti kaunseling kecuali

- A intervensi.
- B pemutihan.
- C pencegahan.
- D perkembangan.


S57 Tiga etika kaunseling ialah

- A kejujuran, simpati dan bimbing.
- B sokongan, bimbingan dan menangani gejala sosial.
- C kejujuran, kerahsiaan dan batasan profesional.
- D kerahsiaan, batasan profesional dan menangani seksual.

S58 Pakar psikologi kaunseling menggunakan pelbagai teori bagi menjelaskan pembentukan tabiat manusia. Teori-teori tersebut adalah seperti berikut kecuali

- A Teori Psikoanalisis.
- B Teori fungsionalis.
- C Teori Analisis Transaksi.
- D Teori Pemusatan Perorangan.

Soalan 59 hingga 62 menggunakan pilihan jawapan berikut



S59 _____ usaha memenuhi keperluan merupakan prinsip yang penting dalam menentukan semua perkembangan.

S60 _____ telah mengemukakan teori ERG yang mengatakan bahawa hanya tiga sahaja keperluan manusia iaitu Kewujudan (Existence), Pertalian (Relatedness), dan Pertumbuhan (Growth).

S61 _____ meninjaunya daripada aspek perasaan atau efektif dan menyatakan bahawa motivasi pencapaian ialah keinginan untuk membuat sesuatu yang baik, cepat dan lebih cekap.

S62 _____ pula meninjau motivasi pencapaian daripada sudut pandangan kognitif. Pemikiran ini melihat bahawa motivasi pencapaian dipengaruhi oleh faktor dalaman atau faktor luaran.

Soalan 63 berdasarkan Rajah 4

Sebelum Pelaziman

RTT (makanan) >>>>> GTT (keluar air liur)
RT (loceng) >>>>> Tak ada GT (air liur tidak keluar)

Semasa Pelaziman

RT (loceng) + RTT (makanan) >>>> GTT (keluar air liur)

Selepas Pelaziman


RT (loceng) >>>>>> GT (keluar air liur)

(Rajah 4)

S63 Pilih jawapan paling tepat menerangkan tentang Rajah 4.

- A Proses terlazim.
- B Proses pelaziman.
- C Pelaziman klasik.
- D Sebelum, semasa dan selepas pelaziman.

Soalan 64 berdasarkan Rajah 5.



(Rajah 5)

- S64 Rajah 5 menunjukkan,
- Proses ingatan sensori
 - Proses ingatan jangka pendek
 - Proses ingatan jangka panjang
 - Proses yang menyebabkan maklumat 'hilang' atau sukar diingat kembali daripada ingatan jangka pendek dan ingatan panjang.
- S65 Dalam kajian psikologi pendidikan terpadat empat konsep asas yang penting diketahui oleh guru-guru. Keempat-empat konsep asas tersebut ialah
- naluri, motivasi, kperluan dan desakan.
 - naluri, motivasi, desakan dan kemahanuan.
 - naluri, motivasi, kemahanuan dan didikan.
 - kemahanuan, didikan, keperluan dan desakan.
- S66 Ramai ahli psikologi berpendapat bahawa matlamat ahli psikologi tertumpu kepada empat bidang utama iaitu
- menerangkan, menyelia, mengawal dan meramalkan perlakuan.
 - menerangkan, mengawal, meramalkan perlakuan dan mendidik.
 - memerihalkan, menerangkan, mengawal dan meramalkan perlakuan.
 - memerihalkan, menerangkan, melaksana dan meramalkan perlakuan.

- S67 Matlamat psikologi pendidikan adalah memahami iaitu memerihalkan dan menerangkan tingkah laku pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya
- A mengawal tingkah laku tersebut.
 - B merangsangkan perubahan tingkah laku.
 - C meramalkan tingkah laku gantian yang mungkin berlaku.
 - D meramalkan tingkah laku gantian yang mungkin berlaku dan mengawal tingkah laku tersebut.
- S68 Semua berikut adalah faedah utama ilmu psikologi pendidikan kepada para pendidik atau bakal pendidik kecuali
- A menjadi pendidik yang serba boleh.
 - B mereka lebih memahami mengapa pelajar bertenaga laku sedemikian.
 - C merumuskan langkah-langkah supaya pelajarnya dapat mencapai matlamat dan objektif pembelajaran yang ditetapkan.
 - D membantu pelajar memahami diri mereka sendiri, membantu pendidik merancang objektif dan matlamat pembelajaran yang sesuai dengan pelajarnya.
- S69 Manakah antara berikut menerangkan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah,
- I Pelajar didedahkan dengan masalah yang sebenar.
 - II Masalah ini akan mencetuskan rasa ingin tahu apabila mereka mula mencari penyelesaian kepada masalah tersebut.
 - III Masalah yang diberikan adalah nyata dan tindakan pelajar dalam menyelesaikan masalah amat dititik beratkan.
 - IV Sebagai contoh, guru menumpukan pada isu semasa untuk menggalakkan pelajar membaca, menulis dan penyelesaian masalah kajian sosial.
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

- S70 Pembelajaran kolaboratif didefinisikan
- A sebagai kaedah pembelajaran berdasarkan masalah, pelajar didedahkan dengan masalah yang sebenar.
 - B sebagai kaedah pengajaran berpusatkan pelajar memberi peluang kepada pelajar membuat pilihan dan keputusan sendiri berkenaan hal-hal pembelajaran.
 - C sebagai kaedah pengajaran yang memerlukan pelajar dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama.
 - D sebagai satu kaedah pengajaran dan pembelajaran di mana pelajar berkumpul untuk melaksanakan hal-hal pelajaran yang dipelajari di kelas ataupun pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah yang berlainan bekerjasama melalui internet dalam tugas yang dikongsi.
- S71 Manakah antara berikut adalah unsur asas dalam pembelajaran koperatif?
- I saling berinteraksi secara bersemuka.
 - II kemahiran perorangan dan kumpulan kecil.
 - III saling bergantung antara satu sama lain secara positif.
 - IV akauntabiliti individu dan kumpulan atas pembelajaran diri sendiri.
- A I sahaja.
 - B I dan II sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.
- S72 Menurut Erik Erickson tahap perkembangan kendiri yang ke lapan ialah
- A intim lawan terasing.
 - B identiti lawan keliru peranan.
 - C produktiviti lawan ketepuan.
 - D ketenangan lawan kekecewaan.

S73 Manakah antara berikut menerangkan tentang pendidikan holistik?

- I Pendidikan holistik sedikit sebanyak merapatkan para pelajar kepada proses pengajaran dan pembelajaran.
 - II Pendidikan holistik merangkumi pembinaan intelektual, emosi, sosial, fizikal, artistik, kreativiti dan kebolehan spiritual bagi setiap individu.
 - III Pendidikan holistik adalah berdasarkan premis yang menganggap setiap individu berjaya mencari makna, identiti, tujuan dalam kehidupannya berteraskan hubungan dengan komuniti, alam semula jadi dan nilai-nilai kerohanian.
- A I dan II sahaja.
 - B I dan III sahaja.
 - C II dan III sahaja.
 - D I, II dan III.

S74 Psikologi perkembangan adalah suatu bidang saintifik mengkaji

- I pertumbuhan.
 - II perkembangan.
 - III perubahan-perubahan yang berlaku kepada manusia.
 - IV bersifat kualitatif, tidak dapat diukur tetapi jelas kelihatan berubah melalui peredaran masa.
- A I dan II sahaja.
 - B I dan III sahaja.
 - C II, III dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

S75 Subjek psikologi pendidikan ini perlu dibekalkan kepada guru kerana tugasnya bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga melahirkan

- I seorang manusia yang sempurna
 - II seorang manusia baik budi pekertinya
 - III seorang manusia yang oportunis dan genius
 - IV seorang manusia bertanggungjawab kepada keluarga, bangsa dan agama
- A I dan II sahaja.
 - B II dan III sahaja.
 - C I, II dan IV sahaja.
 - D I, II, III dan IV.

BAHAGIAN B

1. Perkembangan psikologi masa kini dipengaruhi oleh teknologi bukannya ibu bapa dan guru. Bincangkan. (25 markah)
2. Bandingkan konsep psikologi dari perspektif barat dan Islam. (25 markah)
3. (a) Huraikan maksud psikologi pendidikan. (5 markah)
(b) Bincangkan sumbangan psikologi pendidikan kepada para pendidik. (20 markah)